

Janda dicekup miliki dadah

Posted on September 16, 2014, Tuesday

MIRI: Seorang janda antara empat diberkas polis dalam serbuan di sebuah rumah di Jalan Kiambang, Tudan Fasa 3 di sini petang kelmarin kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Semua suspek berusia antara 18 hingga 34 tahun telah dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk siasatan lanjut.

Timbalan Ketua Polis Daerah Miri, Superintenden Stanley Jonathan Ringgit ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.

Terdahulu katanya, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Miri yang diketuai Sub-Inspektor Bakar Drahman menyerbu sebuah rumah di Jalan Kiambang, Tudan Fasa 3 di sini.

“Dalam serbuan sekitar jam 3 petang itu, polis menahan seorang janda berusia 34 tahun kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

“Polis membuat pemeriksaan lanjut ke atas wanita terbabit menjumpai dan merampas satu peket plastik lutsinar berisi ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis syabu seberat 1.14 gram (berat kasar),” katanya.

Selang 15 minit kemudian katanya, dalam serbuan sama, polis turut menahan tiga lelaki termasuk dua beradik dipercayai terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Menurut Stanley, hasil ujian air kencing semua suspek turut menunjuk kesan positif dadah jenis Methamphetamine dan Amphetamine.

Sehubungan itu katanya, suspek wanita akan disiasat mengikut Seksyen 12 (2) dan 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 kerana disyaki memiliki dan menggunakan dadah tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Manakala tiga suspek lain disiasat mengikut Seksyen 15 (1) (a) ADB 1952